



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

## Akta 602

### AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2000

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
2006

## **AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2000**

Tarikh Perkenan Diraja ... ... ... ... ... 30 Mei 2000

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... ... ... ... 15 Jun 2000

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 602****AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2000**

---

**SUSUNAN SEKSYEN**

---

**BAHAGIAN I****PERMULAAN**

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II****PELINDUNGAN PETUNJUK GEOGRAFI**

3. Pelindungan petunjuk geografi
4. Pengetepian daripada pelindungan
5. Pemulaan prosiding untuk mendapatkan injunksi dan ganti rugi
6. Kegagalan untuk mengambil tindakan
7. Petunjuk geografi yang homonim bagi wain

**BAHAGIAN III****PENTADBIRAN**

8. Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar
9. Pejabat petunjuk geografi
10. Daftar Petunjuk Geografi

**BAHAGIAN IV**  
**PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI**

Seksyen

11. Orang yang boleh memohon untuk mendapatkan pendaftaran
- 11A. Ejen
12. Permohonan untuk mendapatkan pendaftaran
13. Permohonan untuk mendapatkan pendaftaran hendaklah diiklankan
14. Bangkangan terhadap permohonan untuk mendapatkan pendaftaran
15. Jawapan daripada pemohon
16. Pemfailan keterangan dokumentar sebagai sokongan
17. Kegagalan untuk memfailkan keterangan dokumentar
18. Rayuan kepada Mahkamah
19. Pendaftaran petunjuk geografi
- 19A. Pembaharuan pendaftaran
- 19B. Kemasukan semula petunjuk geografi yang dikeluarkan daripada Daftar
20. Anggapan jika petunjuk geografi didaftarkan
21. Hak penggunaan

**BAHAGIAN V**  
**KUASA-KUASA LAIN PENDAFTAR**

22. Pembatalan dan pembetulan pendaftaran
23. Pembetulan kesilapan
24. Pelanjutan masa
25. Kuasa untuk mengawardkan kos
26. Jaminan kos

**BAHAGIAN VI**  
**PERUNTUKAN KHAS**

27. Takat pemakaian
28. Kecualian kerana penggunaan terdahulu
29. Kecualian kerana penggunaan nama sendiri

**BAHAGIAN VII**  
**PELBAGAI**

30. Tatacara rayuan
31. Keputusan Mahkamah adalah muktamad
32. Peraturan-peraturan

JADUAL

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 602

### AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2000

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelindungan petunjuk geografi dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[15 Ogos 2001, P.U. (B) 313/2001]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

##### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Petunjuk Geografi 2000.
- (2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

##### **Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“barang” ertinya apa-apa keluaran semula jadi atau pertanian atau apa-apa keluaran kraftangan atau industri;

“Daftar” ertinya Daftar Petunjuk Geografi yang disimpan di bawah Akta ini;

“ejen” ertinya seorang Petunjuk Geografi yang berdaftar mengikut Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya;

“Konvensyen Paris” ertinya Konvensyen Paris bagi Pelindungan Harta Perindustrian bertarikh 20 Mac 1883, sebagaimana yang disemak atau dipinda dari semasa ke semasa;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi harta intelek;

“orang yang berkepentingan” ertinya mana-mana orang yang dinyatakan dalam seksyen 11;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Petunjuk Geografi yang ditetapkan dalam subseksyen 8(1);

“pengeluar” ertinya—

- (a) mana-mana pengeluar keluaran pertanian;
- (b) mana-mana orang yang menggunakan keluaran semula jadi;
- (c) mana-mana pengilang keluaran kraftangan atau industri; atau
- (d) mana-mana pedagang yang berurus niaga keluaran yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c);

“Penolong Pendaftar” ertinya orang yang dilantik atau disifatkan telah dilantik untuk menjadi Penolong Pendaftar dibawah subseksyen 8(2) atau (3);

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Harta Intelek Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002 [Akta 617] ;

“petunjuk geografi” ertinya suatu petunjuk yang mengenal pasti apa-apa barang sebagai berasal dari sesuatu negara atau wilayah, atau sesuatu kawasan atau tempat dalam negara atau wilayah itu, jika suatu kualiti, reputasi atau ciri lain tertentu barang itu adalah pada dasarnya boleh dianggap berpunca dari tempat asal geografinya;

“petunjuk geografi yang boleh dilindungi” ertinya petunjuk geografi yang tidak termasuk dalam mana-mana kategori petunjuk geografi yang dinyatakan dalam seksyen 4;

“pihak berkuasa yang berwibawa” ertinya mana-mana badan kerajaan atau badan berkanun yang menjalankan fungsi yang dipunyai oleh, bagi pihak, atau yang dibenarkan oleh, Kerajaan;

“tarikh yang ditetapkan” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan itu dalam akta Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2002;

“Timbalan Pendaftar” ertinya orang yang dilantik atau disifatkan telah dilantik untuk menjadi Timbalan Pendaftar di bawah subseksyen 8(2) atau (3); dan

“tuan punya berdaftar” berhubung dengan sesuatu petunjuk geografi, ertinya orang yang pada masa ini tercatat dalam Daftar sebagai tuan punya petunjuk geografi itu.

BAHAGIAN II

PELINDUNGAN PETUNJUK GEOGRAFI

**Pelindungan petunjuk geografi**

3. Perlindungan di bawah Akta ini hendaklah diberikan kepada sesuatu petunjuk geografi—

- (a) tanpa mengira sama ada atau tidak petunjuk geografi itu didaftarkan di bawah Akta ini; dan
- (b) terhadap petunjuk geografi yang lain yang, walaupun secara harfiahnya adalah benar tentang negara, wilayah, kawasan atau tempat yang darinya barang itu berasal, memberikan gambaran yang palsu kepada orang ramai bahawa barang itu berasal dari negara, wilayah, kawasan atau tempat lain.

**Pengetepian daripada pelindungan**

4. Walau apa pun seksyen 3, yang berikut tidak dilindungi sebagai petunjuk geografi:

- (a) petunjuk geografi yang tidak sama dengan pengertian “petunjuk geografi” sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2;
- (b) petunjuk geografi yang bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral;
- (c) petunjuk geografi yang tidak lagi dilindungi atau telah terhenti dilindungi di negara atau wilayah asalnya; atau
- (d) petunjuk geografi yang tidak digunakan lagi di negara atau wilayah asalnya.

**Pemulaan prosiding untuk mendapatkan injunksi dan ganti rugi**

5. (1) Mana-mana orang yang berkepentingan boleh memulakan prosiding di Mahkamah untuk menghalang, berkenaan dengan petunjuk geografi—

- (a) penggunaan dalam perjalanan perdagangan apa-apa cara mengenai nama atau penyampaian apa-apa barang yang menunjukkan atau yang memberikan maksud, mengikut cara yang mengelirukan orang ramai tentang asal geografi barang itu, bahawa barang yang berkenaan berasal dari kawasan geografi yang lain daripada tempat asal sebenar barang itu;

- (b) apa-apa penggunaan dalam perjalanan perdagangan yang menjadi suatu tindakan persaingan tidak saksama mengikut pengertian Perkara 10bis Konvensyen Paris sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;
- (c) apa-apa penggunaan dalam perjalanan perdagangan sesuatu petunjuk geografi yang, walaupun secara harfiahnya adalah benar tentang negara, wilayah, kawasan atau tempat yang darinya barang itu berasal, memberikan gambaran yang palsu kepada orang ramai bahawa barang itu berasal dari negara, wilayah, kawasan atau tempat lain; atau
- (d) apa-apa penggunaan dalam perjalanan perdagangan sesuatu petunjuk geografi yang mengenal pasti wain bagi wain yang tidak berasal dari tempat yang ditunjukkan oleh petunjuk geografi yang berkenaan atau sesuatu petunjuk geografi yang mengenal pasti spirit bagi spirit yang tidak berasal dari tempat yang ditunjukkan oleh petunjuk geografi yang berkenaan, walaupun asal sebenar wain atau spirit itu ditunjukkan atau petunjuk geografi itu digunakan dalam bentuk terjemahan atau disertakan dengan ungkapan seperti “jenis”, “macam”, “gaya” atau “tiruan”.

(2) Mahkamah boleh memberikan injunksi untuk menghalang apa-apa penggunaan secara tidak sah petunjuk geografi itu dan mengawardkan apa-apa ganti rugi dan apa-apa remedi atau relief lain di sisi undang-undang sebagaimana yang difikirkannya patut.

### **Kegagalan untuk mengambil tindakan**

**6.** (1) Tiada tindakan di bawah seksyen 5 boleh dibawa terhadap seseorang kerana penggunaan suatu cap dagangan yang mengandungi atau terdiri daripada suatu petunjuk geografi selepas habis tempoh lima tahun—

- (a) dari tarikh penggunaan sedemikian oleh orang itu atau pendulunya dalam hakmilik telah diketahui ramai di Malaysia; atau
- (b) dari tarikh pendaftaran cap dagangan itu oleh orang itu di bawah Akta Cap Dagangan 1976 [*Akta 175*],

mengikut mana-mana yang lebih awal.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai jika cap dagangan itu digunakan atau didaftarkan dengan niat jahat.

### **Petunjuk geografi yang homonim bagi wain**

**7.** (1) Dalam hal petunjuk geografi yang homonim bagi wain, perlindungan hendaklah diberikan kepada setiap petunjuk.

(2) Pendaftar, dalam hal penggunaan serentak secara *bona fide* petunjuk geografi yang homonim, hendaklah menentukan keadaan-keadaan yang praktis yang di bawahnya petunjuk geografi yang homonim yang berkenaan boleh dibezakan antara satu sama lain, dengan mengambil kira keperluan untuk memastikan layanan yang saksama diberikan kepada pengeluar yang berkenaan dan bahawa orang ramai tidak dikelirukan.

## **BAHAGIAN III**

### **PENTADBIRAN**

#### **Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar**

**8.** (1) Ketua Pengarah Perbadanan hendaklah menjadi Petunjuk Geografi.

(2) Perbadanan boleh melantik, atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukannya, daripada kalangan orang dalam pengajian Perbadanan, apa-apa bilangan Timbalan Pendaftar Petunjuk Geografi, Penolong Pendaftar Petunjuk Geografi dan pegawai lain yang perlu bagi pentadbiran yang sepatutnya Akta ini, dan boleh membatalkan pelantikan mana-mana orang yang dilantik sedemikian atau disifatkan telah dilantik sedemikian dibawah subseksyen (3).

(3) Orang yang memegang jawatan sebagai Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar dan pegawai lain dibawah Akta ini sebelum tarikh yang ditetapkan yang telah diberi pilihan oleh Kerajaan Malaysia untuk berkhidmat sebagai pekerja Perbadanan dan telah memilih sedemikian hendaklah pada tarikh yang ditetapkan disifatkan telah dilantik sebagai Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar dan pegawai lain di bawah subseksyen (2).

(4) Tertakluk kepada arahan dan kawalan am Pendaftar dan kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Pendaftar, seseorang Timbalan Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar boleh menjalankan apa-apa fungsi Pendaftar di bawah Akta ini, dan apa-apa juga yang ditetapkan atau diberi kuasa atau dikehendaki

oleh Akta ini supaya dilakukan atau ditandatangani oleh Pendaftar boleh dilakukan atau ditandatangani oleh mana-mana Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar dan perbuatan atau tandatangan seseorang Timbalan Pendaftar atau seseorang Penolong Pendaftar hendaklah sama sah dan kuat kuasanya seolah-olah telah dilakukan atau ditandatangani oleh Pendaftar.

(5) Pendaftar hendaklah mempunyai meterai dengan reka bentuk yang diluluskan oleh Perbadanan dan teraan meterai itu hendaklah diberikan pengiktirafan kehakiman dan diterima sebagai keterangan.

### **Pejabat petunjuk geografi**

**9.** (1) Suatu Pejabat Petunjuk Geografi Pusat dan apa-apa bilangan pejabat cawangan bagi Pejabat Petunjuk Geografi Pusat yang diperlukan bagi maksud Akta ini hendaklah ditubuhkan.

(2) Apa-apa permohonan atau dokumen lain yang dikehendaki atau dibenarkan difailkan di Pejabat Petunjuk Geografi Pusat boleh difailkan di mana-mana pejabat cawangan Pejabat Petunjuk Geografi Pusat dan permohonan atau dokumen lain itu hendaklah disifatkan telah difailkan di Pejabat Petunjuk Geografi Pusat.

### **Daftar Petunjuk Geografi**

**10.** (1) Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu daftar yang dinamakan Daftar Petunjuk Geografi yang di dalamnya hendaklah direkodkan semua butir yang difikirkan sesuai oleh Pendaftar.

(2) Daftar hendaklah disimpan dalam bentuk dan pada bahan yang ditetapkan.

(3) Daftar hendaklah terbuka untuk diperiksa oleh orang ramai pada masa dan mengikut syarat yang boleh ditetapkan.

(4) Suatu salinan atau cabutan yang diperakui benar bagi mana-mana catatan dalam Daftar yang dimeterai dengan meterai Pendaftar hendaklah diberikan kepada mana-mana orang yang menghendaki salinan atau cabutan itu apabila fi yang ditetapkan dibayar.

## BAHAGIAN IV

## PENDAFTARAN PETUNJUK GEOGRAFI

**Orang yang boleh memohon untuk mendapatkan pendaftaran**

**11.** (1) Orang yang berikut adalah berhak untuk memfailkan permohonan untuk mendaftarkan sesuatu petunjuk geografi:

- (a) seseorang yang menjalankan suatu aktiviti sebagai pengeluar dalam kawasan geografi yang dinyatakan dalam permohonan itu berkenaan dengan barang yang dinyatakan dalam permohonan itu, dan termasuklah suatu kumpulan atau kumpulan-kumpulan orang sedemikian;
- (b) suatu pihak berkuasa yang berwibawa; atau
- (c) suatu organisasi atau persatuan perdagangan.

(1A) Seseorang pemohon boleh memfailkan permohonan untuk mendaftarkan sesuatu petunjuk geografi secara sendiri atau melalui seorang ejen.

(2) Walau apa pun subseksyen (1A), jika pemohon tidak bermastautin atau tidak menjalankan perniagaan di Malaysia, dia hendaklah melantik seseorang ejen untuk bertindak bagi pihaknya.

**Ejen**

**11A.** (1) Mana-mana orang, firma atau syarikat boleh memohon untuk bertindak sebagai seorang ejen bagi maksud Akta ini jika—

- (a) orang itu berdomisil atau bermastautin di Malaysia; atau
- (b) firma atau syarikat itu diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia; dan
- (c) orang, firma atau syarikat itu menjalankan perniagaan atau amalannya terutamanya di Malaysia.

(2) Kelayakan dan cara pendaftaran seseorang ejen hendaklah sebagaimana yang ditetapkan.

**Permohonan untuk mendapatkan pendaftaran**

**12.** (1) Sesuatu permohonan bagi pendaftaran sesuatu petunjuk geografi hendaklah difailkan dengan Pendaftar mengikut cara yang ditetapkan dan hendaklah menyatakan—

- (a) nama, alamat dan kerakyatan orang sebenar atau entiti undang-undang yang memfailkan permohonan itu, dan atas sifat apa pemohon membuat permohonan untuk pendaftaran itu;
- (b) petunjuk geografi yang baginya pendaftaran itu diminta;
- (c) kawasan geografi yang baginya petunjuk geografi itu terpakai;
- (d) barang yang baginya petunjuk geografi itu terpakai;
- (e) kualiti, reputasi atau ciri lain barang yang baginya petunjuk geografi itu digunakan; dan
- (f) apa-apa butir lain sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

**Permohonan untuk mendapatkan pendaftaran hendaklah diiklankan**

**13.** Jika Pendaftar berpuas hati, selepas meneliti permohonan untuk mendapatkan pendaftaran itu, bahawa permohonan itu telah mematuhi kehendak seksyen 11 dan 12 dan bahawa petunjuk geografi yang hendak didaftarkan tidak bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral, Pendaftar hendaklah menyebabkan permohonan itu diiklankan mengikut cara yang ditetapkan.

**Bangkangan terhadap permohonan untuk mendapatkan pendaftaran**

**14.** (1) Mana-mana orang yang berkepentingan boleh, dalam masa dua bulan dari tarikh pengiklanan sesuatu permohonan untuk mendapatkan pendaftaran, memberikan notis kepada Pendaftar dan

pemohon mengenai niatnya untuk membangkang permohonan itu atas alasan bahawa petunjuk geografi yang hendak didaftarkan oleh pemohon—

- (a) tidak termasuk dalam pengertian takrif “petunjuk geografi” di bawah Akta ini;
- (b) adalah bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral;
- (c) tidak lagi dilindungi atau telah terhenti dilindungi di negara asalnya; atau
- (d) tidak digunakan lagi di negara asalnya.

(2) Notis hendaklah diberikan secara bertulis mengikut cara yang ditetapkan dan hendaklah mengandungi suatu pernyataan mengenai alasan bagi bangkangan itu.

### **Jawapan daripada pemohon**

**15.** (1) Dalam masa dua bulan selepas menerima notis mengenai bangkangan itu pemohon hendaklah menghantar suatu jawapan kepada Pendaftar dan pembangkang itu, mengikut cara yang ditetapkan, mengenai alasan bagi permohonannya untuk mendapatkan pendaftaran.

(2) Jika pemohon gagal untuk memberikan jawapan kepada bangkangan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau, jika tempoh itu telah dilanjutkan oleh Pendaftar, dalam tempoh tambahan itu, pemohon hendaklah disifatkan tidak lagi mahu meneruskan permohonannya untuk mendapatkan pendaftaran.

### **Pemfailan keterangan dokumentar sebagai sokongan**

**16.** (1) Jika pemohon mengemukakan suatu jawapan di bawah subseksyen 15(1), pembangkang dan pemohon hendaklah memfailkan keterangan dokumentar yang menyokong bangkangan atau permohonan untuk mendapatkan pendaftaran itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan Pendaftar.

(2) Apa-apa keterangan dokumentar yang hendak difailkan oleh pembangkang atau pemohon di bawah subseksyen (1) hendaklah difailkan dalam tempoh yang ditetapkan dan mengikut cara yang ditetapkan.

(3) Jika pemohon memfailkan keterangan dokumentar yang menyokong permohonannya untuk mendapatkan pendaftaran, pembangkang boleh diberi peluang, dalam masa yang ditetapkan, untuk mengemukakan keterangan jawapan yang hendaklah dikemukakan mengikut cara yang ditetapkan kepada Pendaftar dan pemohon.

(4) Selepas menimbangkan keterangan dokumentar yang difailkan oleh pembangkang dan pemohon, dan selepas memberikan peluang kepada kedua-dua pihak untuk membuat hujah, Pendaftar hendaklah memutuskan sama ada—

- (a) untuk enggan mendaftarkan petunjuk geografi itu;
- (b) untuk mendaftarkan petunjuk geografi itu; atau
- (c) untuk mendaftarkan petunjuk geografi itu tertakluk kepada apa-apa syarat, pindaan, ubahsuaihan atau batasan yang difikirkannya patut.

(5) Pendaftar hendaklah menyediakan alasan keputusannya secara bertulis dalam masa dua bulan selepas membuat keputusan di bawah subseksyen (4).

(6) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pendaftar di bawah subseksyen (4) boleh merayu kepada Mahkamah.

### **Kegagalan untuk memfailkan keterangan dokumentar**

**17.** (1) Jika pemohon gagal memfailkan keterangan dokumentar sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 16(1), Pendaftar adalah berhak untuk menganggap permohonan untuk pendaftaran itu tidak lagi mahu diteruskan.

(2) Jika pembangkang gagal memfailkan keterangan dokumentar sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 16(1), Pendaftar adalah berhak untuk menganggap bangkangan itu tidak lagi mahu diteruskan dan hendaklah mendaftarkan permohonan itu dan mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran kepada pemohon dalam bentuk yang ditetapkan.

**Rayuan kepada Mahkamah**

**18.** (1) Dalam apa-apa rayuan di bawah subseksyen 16(6), Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak, membuat perintah supaya—

- (a) petunjuk geografi itu didaftarkan;
- (b) petunjuk geografi itu didaftarkan tertakluk kepada apa-apa ubahsuaian yang tidak dalam apa-apa cara menjelaskan identiti petunjuk geografi itu secara substansial; atau
- (c) petunjuk geografi itu tidak didaftarkan.

(2) Jika Mahkamah membuat suatu perintah di bawah perenggan (1)(a) atau (b), maka Pendaftar hendaklah mendaftarkan petunjuk geografi itu sebagaimana yang dikehendaki dan mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran kepada pemohon dalam bentuk yang ditetapkan.

**Pendaftaran petunjuk geografi**

**19.** (1) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa permohonan untuk mendaftarkan sesuatu petunjuk geografi mematuhi seksyen 14 dan 15 dan bahawa petunjuk geografi yang hendak didaftarkan itu tidak bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral dan—

- (a) tiada bangkangan telah difailkan di bawah seksyen 14; atau
- (b) Pendaftar telah membuat suatu keputusan di bawah perenggan 16(4)(b) atau (c) dan tiada rayuan telah difailkan terhadap keputusan itu,

maka Pendaftar hendaklah mendaftarkan petunjuk geografi itu dan mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran kepada pemohon dalam bentuk yang ditetapkan.

(2) Tempoh pendaftaran sesuatu petunjuk geografi hendaklah sepuluh tahun dan pendaftaran itu boleh diperbaharui apabila permohonan dibuat di bawah seksyen 19A.

**Pembaharuan Pendaftaran**

**19A.** (1) Dalam masa yang ditetapkan sebelum tarikh habis tempoh pendaftaran sesuatu petunjuk geografi Pendaftar hendaklah menghantar suatu notis mengikut cara yang ditetapkan kepada tuan punya berdaftar tentang tarikh habis tempoh itu.

(2) Sesuatu permohonan bagi pembaharuan pendaftaran sesuatu petunjuk geografi hendaklah dibuat oleh tuan punya berdaftar mengikut cara yang ditetapkan kepada Pendaftar dalam masa yang ditetapkan sebelum tarikh habis tempoh pendaftaran itu.

(3) Sesuatu permohonan di bawah subseksyen (2) hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (5), apabila menerima sesuatu permohonan di bawah subseksyen (2) dan fi yang ditetapkan, pendaftaran petunjuk geografi itu bagi suatu tempoh yang tidak melebihi sepuluh tahun bagi setiap pembaharuan.

(5) Bagi maksud memperbaharui pendaftaran sesuatu petunjuk geografi, Pendaftar boleh menghendaki butir-butir tambahan dan boleh enggan untuk memperbaharui pendaftaran itu jika pemohon tidak memberikan butir-butir tambahan yang dikehendaki.

(6) Jika Pendaftar enggan untuk memperbaharui pendaftaran di bawah subseksyen (5) Pendaftar hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis tentang keputusan itu.

(7) Tertakluk kepada seksyen 19B, Pendaftar boleh mengeluarkan sesuatu petunjuk geografi daripada Daftar jika pemohon tidak memohon pembaharuan petunjuk geografi itu dalam masa yang ditetapkan.

### **Kemasukan semula petunjuk geografi yang dikeluarkan daripada Daftar**

**19B.** Pendaftar boleh memasukan semula petunjuk geografi yang telah dikeluarkan daripada Daftar di bawah subseksyen 19A(7) jika—

- (a) pemohon memfailkan permohonan bagi kemasukan semula itu dalam masa dua belas bulan dari tarikh habis tempoh pendaftaran petunjuk geografi itu; dan
- (b) Pendaftar berpuas hati bahawa—
  - (i) tidak ada penggunaan dengan niat jahat petunjuk geografi itu dalam tahun sebaik sebelum pengeluarannya daripada Daftar; atau
  - (ii) tiada perdayaan atau kekeliruan yang mungkin berbangkit daripada penggunaan petunjuk geografi itu disebabkan oleh penggunaan terdahulunya.

**Anggapan jika petunjuk geografi didaftarkan**

**20.** (1) Sesuatu petunjuk geografi yang didaftarkan di bawah Akta ini hendaklah, dalam mana-mana prosiding, membangkitkan suatu anggapan bahawa petunjuk itu ialah suatu petunjuk geografi mengikut pengertian seksyen 2.

(2) Sesuatu perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah Akta ini hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam perakuan itu dan mengenai kesahan pendaftaran itu.

**Hak penggunaan**

**21.** (1) Dalam hal petunjuk geografi yang berdaftar, hanya pengeluar yang menjalankan aktivitinya dalam kawasan geografi yang dinyatakan dalam Daftar hendaklah mempunyai hak untuk menggunakan suatu petunjuk geografi yang berdaftar dalam perjalanan perdagangan.

(2) Hak penggunaan itu hendaklah berkenaan dengan keluaran yang dinyatakan dalam Daftar mengikut kualiti, reputasi atau ciri yang dinyatakan dalam Daftar.

**BAHAGIAN V****KUASA-KUASA LAIN PENDAFTAR****Pembatalan dan pembetulan pendaftaran**

**22.** (1) Pendaftar boleh, atas permintaan mana-mana orang yang berkepentingan dan apabila fi yang ditetapkan dibayar—

- (a) membatalkan pendaftaran sesuatu petunjuk geografi atas alasan bahawa petunjuk geografi itu tidak layak untuk mendapat perlindungan sebagai yang sedemikian dengan mengambil kira seksyen 4; atau
- (b) membetulkan pendaftaran sesuatu petunjuk geografi atas alasan bahawa kawasan geografi yang dinyatakan dalam pendaftaran itu tidak sama dengan petunjuk geografi itu, atau bahawa petunjuk keluaran yang baginya petunjuk geografi itu digunakan atau petunjuk kualiti, reputasi atau ciri lain keluaran itu tidak ada atau tidak memuaskan.

(2) Orang yang meminta supaya pendaftaran petunjuk geografi itu dibatalkan atau dibetulkan di bawah subseksyen (1) hendaklah memberikan notis kepada pemohon yang memfailkan permohonan untuk mendapatkan pendaftaran petunjuk geografi itu atau penggantinya dalam hakmilik.

(3) Pendaftar hendaklah, mengikut cara yang ditetapkan, memberitahu semua orang yang mempunyai hak penggunaan ke atas petunjuk geografi itu di bawah seksyen 21.

(4) Orang yang disebut dalam subseksyen (3) dan mana-mana orang lain yang berkepentingan boleh, dalam tempoh yang dinyatakan oleh Pendaftar, memohon kepada Pendaftar untuk menyertai apa-apa prosiding yang boleh diadakan oleh Pendaftar untuk menentukan sama ada atau tidak pendaftaran petunjuk geografi itu patut dibatalkan atau dibetulkan.

(5) Pendaftar hendaklah menyediakan alasan keputusannya secara bertulis dalam masa dua bulan selepas membuat keputusan di bawah subseksyen (1).

(6) Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Pendaftar di bawah subseksyen (1) boleh merayu kepada Mahkamah.

### **Pembetulan kesilapan**

**23.** Pendaftar boleh membetulkan apa-apa kesilapan terjemahan atau transkripsi, silap tulis atau kesilapan dalam apa-apa permohonan atau dokumen yang difailkan pada Pendaftar atau dalam apa-apa perkara yang direkodkan menurut Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

### **Pelanjutan masa**

**24.** Jika melalui Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini suatu masa ditetapkan yang dalam masa itu sesuatu perbuatan atau perkara hendaklah dilakukan, Pendaftar boleh, apabila menerima permintaan bertulis untuk berbuat demikian dan jika dia berpuas hati bahawa hal keadaan mewajarkannya, melanjutkan masa itu sama ada sebelum atau selepas habis tempohnya, setelah fi yang ditetapkan dibayar.

### **Kuasa untuk mengawardkan kos**

**25. (1)** Dalam semua prosiding di hadapan Pendaftar di bawah Akta ini, Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk mengawardkan apa-apa kos sebagaimana yang difikirkannya munasabah kepada mana-mana pihak.

(2) Kos yang diawardkan oleh Pendaftar boleh didapatkan, jika berlaku keingkaran untuk membuat bayaran, dalam mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang wibawa oleh pihak yang kepadanya kos itu telah diawardkan seolah-olah kos itu ialah hutang yang kena dibayar kepada pihak itu.

### **Jaminan kos**

**26.** (1) Pendaftar boleh menghendaki mana-mana orang yang memberikan notis bangkangan di bawah seksyen 14, atau seseorang yang memberikan jawapan kepada notis bangkangan di bawah seksyen 15, dan tidak bermastautin atau menjalankan perniagaan di Malaysia supaya memberikan jaminan kos bagi prosiding di hadapan Pendaftar berhubung dengan bangkangan atau permohonan itu.

(2) Pendaftar boleh menganggap bangkangan atau permohonan itu tidak lagi mahu diteruskan jika jaminan kos sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) tidak dibayar.

(3) Jaminan kos hendaklah boleh dibayar balik atau dianggap sebagai sebahagian daripada bayaran kos prosiding itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

## **BAHAGIAN VI**

### **PERUNTUKAN KHAS**

### **Takat pemakaian**

**27.** (1) Akta ini hendaklah terpakai bagi sesuatu petunjuk geografi yang boleh dilindungi yang wujud sebelum Akta ini mula berkuat kuasa sebagaimana Akta ini terpakai bagi sesuatu petunjuk geografi yang boleh dilindungi yang wujud selepas Akta ini mula berkuat kuasa.

(2) Berkennaan dengan sesuatu petunjuk geografi yang wujud sebelum Akta ini mula berkuat kuasa, tiada guaman atau prosiding boleh dibawa dibawah Akta ini bagi apa-apa yang dilakukan sebelum Akta ini mula berkuat kuasa.

**Kecualian kerana penggunaan terdahulu**

**28.** (1) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menghalang penggunaan terus menerus dan yang serupa dengannya di Malaysia sesuatu petunjuk geografi tertentu suatu negara lain yang mengenal pasti wain atau spirit berkaitan dengan barang atau perkhidmatan oleh mana-mana rakyat atau domisiliari Malaysia yang telah menggunakan petunjuk geografi itu secara terus menerus berkenaan dengan barang atau perkhidmatan yang sama atau berkaitan di Malaysia sama ada—

- (a) selama sekurang-kurangnya sepuluh tahun sebelum 15 April 1994; atau
- (b) dengan suci hati sebelum 15 April 1994.

(2) Jika sesuatu cap dagangan telah dipohon atau didaftarkan dengan suci hati, atau jika hak kepada sesuatu cap dagangan telah diperoleh melalui penggunaan secara suci hati sama ada—

- (a) sebelum Akta ini mula berkuat kuasa; atau
- (b) sebelum petunjuk geografi itu dilindungi di negara asalnya,

maka Akta ini tidak boleh menjelaskan kebolehdaftaran atau kesahan pendaftaran cap dagangan itu, atau hak untuk menggunakan cap dagangan itu, atas dasar bahawa cap dagangan sedemikian adalah sama atau serupa dengan suatu petunjuk geografi.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh terpakai berkenaan dengan sesuatu petunjuk geografi mana-mana negara mengenai barang atau perkhidmatan yang baginya petunjuk yang berkaitan adalah sama dengan istilah yang lazim digunakan dalam bahasa umum sebagai nama biasa bagi barang atau perkhidmatan sedemikian di Malaysia atau berkenaan dengan sesuatu petunjuk geografi mana-mana negara lain mengenai hasil pokok anggur yang baginya petunjuk yang berkaitan itu adalah sama dengan nama biasa sesuatu jenis anggur yang wujud di Malaysia mulai 1 Januari 1995.

**Kecualian kerana penggunaan nama sendiri**

**29.** Akta ini tidak menjelaskan hak mana-mana orang untuk menggunakan, dalam perjalanan perdagangan, nama orang itu atau nama pendulunya dalam perniagaan, kecuali jika nama itu digunakan mengikut cara yang mengelirukan orang ramai.

## BAHAGIAN VII

## PELBAGAI

**Tatacara rayuan**

**30.** Kaedah tatacara yang sama yang terpakai bagi rayuan kepada Mahkamah Tinggi daripada sesuatu keputusan mahkamah rendah dalam perkara sivil hendaklah terpakai bagi rayuan terhadap keputusan Pendaftar di bawah subseksyen 16(6) dan 22(6).

**Keputusan Mahkamah adalah muktamad**

**31.** Dalam apa-apa rayuan terhadap keputusan Pendaftar di bawah subseksyen 16(6) dan 22(6), keputusan Mahkamah adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada apa-apa rayuan lanjut.

**Peraturan-peraturan**

**32.** (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh mengadakan peruntukan bagi kesemua atau mana-mana yang berikut:

- (a) mengawal selia tatacara yang hendak diikuti berkaitan dengan apa-apa prosiding atau perkara lain di hadapan Pendaftar atau Pejabat Petunjuk Geografi Pusat di bawah Akta ini termasuklah penyampaian dokumen;
- (b) menetapkan fi yang hendaklah dibayar berkaitan dengan apa-apa prosiding atau perkara lain atau berkaitan dengan pemberian apa-apa perkhidmatan oleh Pendaftar atau Pejabat Petunjuk Geografi Pusat, dan menetapkan jumlah fi itu dan membenarkan fi yang berbeza dalam hal keadaan tertentu bagi kes tertentu yang ditetapkan;
- (c) menetapkan borang dan perkara lain yang akan digunakan di bawah Akta ini;

- (d) mengawal selia penyimpanan Daftar dan menetapkan bentuk dan kandungannya; dan menetapkan syarat dan fi bagi membuat cabutan daripada Daftar;
  - (e) mengawal selia cara pemberian keterangan dalam mana-mana prosiding di hadapan Pendaftar di bawah Akta ini dan memberi Pendaftar kuasa untuk memaksa kehadiran saksi-saksi dan penzahiran dan pengemukaan dokumen;
  - (f) melakukan apa-apa yang dikehendaki supaya dilakukan berkaitan dengan apa-apa prosiding atau perkara lain di hadapan Pendaftar atau Pejabat Petunjuk Geografi Pusat;
  - (g) menetapkan had masa;
  - (ga) menetapkan kelayakan ejen dan perkara lain yang berhubung dengan kelayakan itu;
  - (gb) mengadakan peruntukan bagi pendaftaran ejen; dan
  - (h) mengawal selia secara umum perkara-perkara yang berhubungan dengan urusan pendaftaran petunjuk geografi yang dijalankan di Pejabat Petunjuk Geografi Pusat sama ada atau tidak ditetapkan secara khusus di bawah Akta ini.
-

JADUAL

[Perenggan 5(1)(b)]

PERUNTUKAN KONVENTSYEN PARIS BAGI PELINDUNGAN  
HARTA PERINDUSTRIAN (1967)

**Perkara 10bis**

[Persaingan Tidak Saksama]

(1) Negara-negara Kesatuan adalah terikat untuk memastikan bahawa pelindungan yang berkesan terhadap persaingan tidak saksama diberikan kepada rakyat negara-negara itu.

(2) Apa-apa perbuatan persaingan yang berlawanan dengan amalan-amalan jujur dalam perkara-perkara perindustrian atau komersial adalah merupakan suatu perbuatan persaingan tidak saksama.

(3) Yang berikut pada khususnya adalah dilarang:

1. semua jenis perbuatan yang mewujudkan kekeliruan dengan apa cara sekalipun tentang institusi, barang, atau aktiviti perindustrian atau komersial, seseorang pesaing;
  2. apa-apa jenis pengataan palsu dalam perjalanan perdagangan yang mencemarkan nama baik institusi, barang, aktiviti perindustrian atau komersial, seseorang pesaing;
  3. petunjuk atau pengataan yang penggunaannya dalam perjalanan perdagangan boleh mengelirukan orang ramai tentang jenis, proses pengilangan, ciri, kesesuaian maksud, atau kuantiti, barang itu.
-

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 602**

**AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2000**

**SENARAI PINDAAN**

Undang-undang  
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa  
dari

Akta A1141

Akta Petunjuk Geografi  
(Pindaan) 2002

03-03-2003

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 602****AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2000****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A1141	03-03-2003
8	Akta A1141	03-03-2003
11	Akta A1141	03-03-2003
11A	Akta A1141	03-03-2003
19	Akta A1141	03-03-2003
19A-19B	Akta A1141	03-03-2003
32	Akta A1141	03-03-2003

---